


Mutakhir

Premis diarah cegah pelepasan cecair tercemar



Premis diarah cegah pelepasan cecair tercemar

[Mohd Khidir Zakaria](#)
am@hmetro.com.my



SAMPEL yang di ambil untuk dilakukan ujian oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan. FOTO ihsan Pejabat Exco

Port Dickson: Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JASNS) mengarahkan sebuah premis mengambil tindakan segera bagi mencegah pelepasan cecair tercemar tidak terolah yang mengalir ke sungai.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, ia susulan aduan awam berhubung pelepasan cecair tercemar berasal dari Tapak Pelupusan Sampah (TPS) Ladang Tanah Merah di sini.


"Pasukan penyiasat JASNS sudah menjalankan pemeriksaan di lokasi. Berlaku pelepasan cecair tidak terolah ke longkang awam seterusnya ke sungai berhampiran," katanya semalam.

Selain itu, katanya, pihak premis juga memaklumkan kemungkinan beban sampah dan hujan sebelum ini menyebabkan tekanan dan penghasilan cecair tercemar yang tinggi.

Disyorkan

- [Hani profesional berlakon jadi isteri bekas adik ipar, Qi Razali](#)
- [Premis jual arak disyaki tiruan, tidak bercukai di Terengganu kena serbu](#)
- [Usia bukan halangan Colorine raih emas, cipta rekod APG](#)
- [PRK Kinabatangan: Kempen BN-GRS masuk 'gear lima'](#)
- [MIC masih bersama BN, dakwaan keluar hanya spekulasi - Zambry](#)

ADVERTISEMENT




Mutakhir

Premis diarah cegah pelepasan cecair tercemar



"Dalam pada itu, sebagai langkah awal pihak premis juga sudah membaiki benting tanah yang pecah untuk mengawal punca pelepasan cecair tercemar.



Veerapan berkata, JASNS juga mengarahkan pihak premis untuk mengambil tindakan pembaikan segera untuk mencegah pelepasan cecair tercemar tidak terolah sepenuhnya.

"Tambahan lagi, pihak premis sudah membentangkan perancangan pada 7 Januari lalu dan JASNS juga mengarahkan untuk membuat pembersihan sisa-sisa yang ada sama ada di sungai mahupun longkang.

"Pihak JASNS menyatakan bahawa pemantauan dan pembersihan pelepasan leachate kawasan terlibat akan dibuat termasuk longkang awam dan sungai terhampir diteruskan dari masa ke semasa bagi tujuan pencegahan dan penambahbaikan segera," katanya.

Beliau meminta JASNS berserta agensi yang berkaitan supaya menjalankan pemantauan berkala untuk mengekang aktiviti haram yang boleh mengakibatkan pencemaran alam sekitar.

Disiarkan pada: Januari 21, 2026 @ 10:19am



LAMIN KOPIO

Jelajah keindahan alam di Lamin Kopio hari ini!

KETAHUI LANJUT →

Sorotan Video

<p>Isteri ketiga bekas Panglima Tentera Darat didakwa...</p> <p>▶ 1:29</p>	<p>Bekas Panglima Tentera Darat tak mengaku terima...</p> <p>▶ 1:22</p>	<p>Inkues Zara: Mahkamah panggil semula bekas...</p> <p>▶ 1:16</p>	<p>Bekas Panglima Tentera Darat dan isteri tiba di...</p> <p>▶ 1:13</p>	<p>Ganti r boleh 'kesaki</p> <p>▶ 0:48</p>

Lagi Video

Trending